

26 SEP 2000

Mahathir-Negeri

PM MINTA K'JAAN NEGERI TIDAK KENAKAN PELBAGAI SYARAT UNTUK PROJEK

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta kerajaan-kerajaan negeri supaya tidak mengenakan pelbagai syarat yang boleh menyukarkan pelaksanaan projek pembangunan di negeri masing-masing.

Dr Mahathir berkata banyak projek yang telah diluluskan Lembaga Kemajuan Perindustriaan Malaysia (MIDA) lewat dilaksanakan atau gagal sama-sekali kerana syarat-syarat seumpama itu.

"Saya berasa amat sedih kerana selepas MIDA meluluskan sesuatu projek, ada sampai empat lima tahun pun tak 'take off' (dimulakan) kerana syarat-syarat ini," katanya ketika berucap merasmikan Pusat Dagangan Kedah di sini.

Dr Mahathir berkata Kabinet juga telah membuat keputusan supaya semua projek yang diluluskan di peringkat kementerian mesti dilaksanakan tahun ini juga.

"Semua kementerian dikehendaki menyemak senarai projek di bawah kementerian (mereka) dan melaksanakannya," kata Dr Mahathir pada sidang berita kemudian.

Beliau berkata negeri-negeri perlu menyatakan lebih awal kepada MIDA apakah syarat-syarat pelaburan di negeri mereka bagi memudahkan MIDA memaklulkannya kepada para pelabur.

"Kadang-kadang kita dapati bila projek pelaburan diluluskan MIDA, bila pergi ke negeri, ada syarat-syarat tambahan," katanya.

Ini menyebabkan para pelabur kurang berminat lebih-lebih lagi jika kawasan pelaburan yang hendak dipromosikan itu terletak di tempat terpencil yang mempunyai masalah komunikasi, kata Dr Mahathir.

Katanya, semua pihak perlu mengurangkan kerenah birokrasi sementara Exco Negeri pula perlu membuat keputusan dengan cepat berhubung projek pembangunan di negeri masing-masing.

Dr Mahathir berkata adalah sukar bagi pelabur berurusan dengan negeri-negeri yang tidak berpegang kepada janji dan tidak telus dalam polisi pelaburan mereka.

"Para pelabur sebaliknya akan memberi keutamaan kepada tempat yang mudah bagi mereka mendapat untung," katanya.

Beliau turut menegur sikap sesetengah pihak yang mempunyai kecenderungan mengangap "ada udang di sebalik batu" berhubung rancangan sesuatu projek pembangunan di negeri-negeri.

Dr Mahathir memberikan contoh bagaimana sukarnya melaksanakan projek membina sebuah hotel bertaraf lima bintang di sebuah ibu negeri.

Bagi Kedah, beliau berkata ada rancangan untuk membangunkan Pulau Bunting dan Bukit Kayu Hitam sebagai kawasan perindustrian besar.

Katanya, Bukit Kayu Hitam terutamanya mempunyai jumlah pekerja yang banyak termasuk dari negara jiran yang membolehkan kawasan itu dimajukan dengan lebih pesat.

Beliau berkata bukanlah senang untuk menarik minat sebuah syarikat asing yang besar seperti Boeing untuk beroperasi di Bukit Kayu Hitam dan oleh itu, layanan yang baik perlu diberikan kepada pelabur seumpama itu.

Dr Mahathir, yang berasal dari Kedah, berkata ada pihak mengangap negeri itu masih miskin tetapi ini membuktikan bahawa sebagai perdana menteri, beliau tidak mempunyai perasaan pilih kasih dalam soal pembangunan.

"Ini menunjukkan bahawa saya tak ada pilih kasih untuk menghantar semua wang Kerajaan Persekutuan ke Kedah. Dan juga di Malaysia ini ada tempat yang mudah dan ada juga yang susah untuk dimajukan," katanya.

Dr Mahathir turut diberikan taklimat mengenai status beberapa projek pembangunan di Kedah termasuk pembesaran Lapangan Terbang Sultan Abdul

Halim, hospital baru Alor Setar dan Sungai Petani, Kolej Pertanian Kedah, projek penempatan nelayan, bandar berhampiran sempadan Kedah-Thailand dan Muzium Padi.

Dalam ucapan aluannya, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata Pusat Dagangan Kedah diwujudkan di ibu negara bagi menjadi pusat sehenti bagi membolehkan urusan menarik pelaburan ke negeri itu dibuat dengan lebih terurus dengan pembabitian langsung pihak yang terlibat.

Katanya kestabilan politik di Kedah perlu dikekalkan kerana ia menjadi antara faktor penting untuk menarik usahawan.

Syed Razak juga berkata kerajaan negeri terhutang budi kepada Dr Mahathir kerana sokongan beliau membolehkan Kedah "duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi" dengan negeri-negeri lain dalam soal pembangunan.

-- BERNAMA  
MAM ZS NMO